

MENINGKATKAN PENGUASAAN PENGUCAPAN KALIMAH SYAHADAH DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH DINAMIK SYAHADAH

Nurul Suhaina Zuriⁱ, Mulyati Timbangⁱⁱ & Mohd Alizan Aliasⁱⁱⁱ

ⁱJabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. nsuhaina50@gmail.com

ⁱⁱJabatan Sains Sosial, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. mulyati@ipgm.edu.my

ⁱⁱⁱ Jabatan Pembangunan Latihan, IPGM Kampus Tawau, Malaysia mohd.alizan@ipgm.edu.my

Abstrak: Kalimah syahadah merupakan asas utama dalam agama Islam kerana ia adalah pintu masuk ke dalam agama Islam dan merupakan kalimah pertama dan utama yang perlu diucapkan oleh seorang muslim. Oleh itu, kalimah syahadah ini perlu dikuasai oleh individu sejak kecil lagi. Rentetan itu, mata pelajaran akidah telah diajar kepada murid-murid sekolah rendah dan terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam pada bab akidah. Akan tetapi, masih terdapat segelintir kanak-kanak yang tidak dapat menguasai kalimah syahadah dengan baik walaupun sudah diajar secara lisan dan tulisan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid terhadap kalimah syahadah dengan mudah melalui penerapan teknik pergerakan 'Dinamik Syahadah'. Kajian ini dilakukan ke atas sepuluh orang kanak-kanak Bajau Laut yang terlibat dengan program Madrasah Terapung Community and Research Based Education, IPGM Kampus Tawau. Kanak-kanak Bajau Laut tersebut berusia lingkungan umur tiga hingga lima belas tahun yang terdiri daripada dua orang kanak-kanak lelaki dan lapan orang kanak-kanak perempuan. Kajian ini bertempat di Pulau Mabul Semporna, Sabah. Dapatan kajian memberi impak positif kerana hampir semua peserta kajian dapat menguasai kalimah syahadah dengan baik dan lancar. Ringkasnya, penerapan gerak geri yang diajar dalam teknik 'Dinamik Syahadah' dapat menguasai kalimah syahadah dengan baik dan lancar. Ringkasnya, penerapan gerak geri yang diajar dalam teknik 'Dinamik Syahadah' dapat meningkatkan lagi tahap ingatan dan penguasaan mereka terhadap kalimah syahadah.

Sebarang penambahbaikan dan cadangan akan diusulkan bagi memantapkan lagi penguasaan kalimah syahadah seawal usia kanak-kanak.

Kata kunci: penguasaan kalimah syahadah, penerapan gerak geri, dinamik syahadah

Abstract: The word shahadah is the main foundation of Islam because it is the gateway to Islam and is the first and main word that must be uttered by a Muslim. Therefore, the word shahadah needs to be mastered by the individual from a young age. In that sequence, the subject of faith has been taught to primary school students and contained in the subject of Islamic Education in the chapter on faith. However, there are still a few children who cannot master the word shahadah well even though it has been taught orally and in writing. This study was conducted to improve students' mastery of the word shahadah easily through the application of the 'Dinamik Syahadah' movement technique. This study was conducted on ten Bajau Laut children who were involved with the Community and Research Based Education Floating Madrasah program, IPGM Kampus Tawau. The Bajau Laut children are between the ages of three and fifteen, Research Based Education Floating Madrasah program, IPGM Kampus Tawau. The Bajau Laut children are between the ages of three and fifteen, consisting of two boys and eight girls. This study is located on Mabul Island, Semporna district, Sabah. The findings of the study had a positive impact because almost all study participants were able to master the word shahadah well and fluently. In short, the

application of gestures taught in the 'Dinamik Syahadah' technique can further increase their level of memory and mastery of the word creed. Any improvements and suggestions will be proposed to strengthen the mastery of the shahadah words from an early age of children.

Keywords: mastery of shahadah words, application of gestures, dynamics of shahadah

PENGENALAN

Kalimah syahadah merupakan kalimah agung yang perlu dipegang kuat di dalam hati setiap muslim kerana kalimah ini merupakan pegangan umat Islam. Tambahan lagi, dunia kini berdepan dengan banyak isu murtad dan liberalisme. Kes murtad yang berlaku secara berleluasa terutamanya dari kalangan orang Islam menunjukkan bahawa pegangan syahadah seseorang itu goyah. Oleh itu, pemantapan kalimah syahadah dalam diri individu sejak kecil lagi amat penting supaya mereka yakin dengan akidah mereka dan tidak mudah terpengaruh dengan unsur luar. Rentetan itu, penulisan ini akan menjelaskan dengan terperinci berkaitan kaedah pemantapan kalimah syahadah dalam diri kanak-kanak Bajau Laut Semporna. Program Community and Learning Based Education adalah program anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau di bawah bimbingan pensyarah subjek Pengajian Ilmu Akidah. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak Bajau Laut dari sudut penerapan ilmu akidah Islam serta cuba mengaplikasikan kaedah penyelesaian terbaik. Program ini akan membantu memudahkan kanak-kanak Bajau Laut untuk menguasai dan mempraktikkan ilmu-ilmu Islam dengan pelbagai teknik yang diajar khususnya menyebut kalimah syahadah.

KONTEKS

Kunci pembuka bagi seseorang yang ingin masuk agama Islam adalah syahadah dan ia adalah rukun pertama daripada lima rukun Islam. (Fadillah Ramadhani, 2022) Syahadah

berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu syahida yang membawa maksud telah bersaksi. Apabila kalimah syahadah telah diucapkan oleh seseorang, maka individu tersebut akan terikat dengan semua hukum-hakam dalam Islam dan pengabdian diri kepada Allah. Individu tersebut perlu menjalankan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya serta mengikuti sunnah Nabi dan menjauhi segala perbuatan biad'ah. (Pangulu Abdul Karim, 2017). Setelah mengikrarkan dua kalimah syahadah dan mendalami makna yang terkandung dalam dua kalimah syahadah tersebut, kita dapat menerapkan dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian kita iaitu beriman kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya.

Penerapan kalimah tauhid ini perlulah bermula sejak kecil lagi supaya mereka jelas dengan tujuan hidup mereka adalah untuk beribadah kepada Allah. Kalimah Laa Ilaaha Illa Allah perlu disemat dalam sanubari setiap individu dan ia menjadi benteng daripada segala perkara yang menyirikkan Allah. Kalimat tauhid ini yang menjadi pembeza antara muslim dan kafir. (Wiwi Dwi Daniyarti, 2022) Melalui pengukuhan jati diri Islam yang disemai ke dalam diri sejak kanak-kanak, mereka akan terlindung daripada segala fahaman yang menyeleweng seperti pluralisme dan liberalisme. Pengukuhan kalimah syahadah perlulah diperluaskan ke seluruh pelosok dunia termasuklah di kawasan pedalaman Sabah. Rentetan itu, kajian kami di Pulau Mabul adalah berfokuskan konsep syahadah. Model pembelajaran yang diterapkan adalah model behavioral iaitu pengajaran secara langsung dan berpusatkan guru. Guru menyampaikan isi pengajaran secara langsung kepada murid serta menstruktur masa pengajaran agar dapat mencapai target yang ditetapkan. Guru mengembangkan kemahiran murid yang hendak diajar secara terperinci langkah demi langkah. Isi pembelajaran juga bersifat masteri iaitu daripada mudah kepada kompleks.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap perkembangan kanak-kanak Bajau Laut di Pulau Mabul, Semporna, maklumat yang didapati daripada para pengkaji terdahulu bahawa kanak-kanak Bajau Laut belum dapat mempraktikkan dengan lancar kalimah syahadah dalam kehidupan seharian. Mereka masih belum dapat menyebut kalimah syahadah dengan baik tanpa bimbingan guru dan mudah lupa terhadap kalimah tersebut. Setiap kanak-kanak Bajau Laut mempunyai gaya pembelajaran dan tahap pencapaian yang berbeza, oleh itu para pengkaji mengambil pendekatan yang terbaik untuk membantu mereka menyebut dan mengingat dengan mudah. Para pengkaji telah menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan meminta mereka menyebut kalimah syahadah yang diajar oleh para pengkaji secara praktikal. Akan tetapi mereka masih tidak dapat menyebut dengan jelas.

Realitinya, kanak-kanak Bajau Laut mengalami kesukaran dalam menyebut sesuatu kalimah sekali gus kerana mereka agak lemah dalam sebutan. Pengkaji telah membincangkan masalah ini bersama kumpulan pengkaji sesi 2022 yang lalu, mereka juga ada menyatakan bahawa kanak-kanak Bajau Laut ini mudah lupa tentang apa yang diajar dan sangat perlahan dalam pembelajaran. Oleh itu, bimbingan berfokus perlu diberikan secara berterusan bagi membantu mereka dalam pembelajaran. Dengan meneliti masalah tersebut, pengkaji bercadang untuk mengaplikasikan teknik pengajaran yang berunsurkan gerak-geri tangan yang bervariasi untuk menyebut kalimah syahadah iaitu teknik 'Dinamik Syahadah'. Hal ini dapat membantu pelajar belajar dengan seronok dan mudah dalam sebutan.

PENGUMPULAN DATA AWAL

Berpandukan kepada kajian lepas yang telah dijalankan pada tahun 2022, pengkaji telah membuat pengumpulan data awal ke

atas kanak-kanak Bajau berkaitan kebolehan mereka menyebut kalimah syahadah. Hasil dapatan kajian awal mendapati bahawa semua peserta kajian belum mampu menyebut kalimah syahadah dengan baik. Berikut merupakan rajah analisis punca kesukaran menyebut kalimah syahadah:



Rajah 1

FOKUS KAJIAN

Pengkaji memberikan fokus kajian terhadap bab akidah berkaitan pengajaran lafaz syahadah "Muhammad Rasulullah" serta kelancaran mereka menyebut kalimah syahadah penuh. Topik syahadah dipilih oleh pengkaji kerana rata-rata pelajar tidak mampu menyebut kalimah syahadah dengan betul sedangkan ia merupakan asas dan kalimah tauhid di dalam agama Islam. Oleh itu, pengkaji menggunakan teknik pengajaran yang menarik iaitu 'Dinamik Syahadah' bagi mengatasi masalah ini. Kaedah ini dinamakan sedemikian kerana dinamik membawa maksud pergerakan, maka Dinamik Syahadah membawa maksud pembelajaran syahadah berasaskan pergerakan. Pengkaji menggunakan teknik gerak-geri dalam pembelajaran supaya lebih berkesan. Dinamik Syahadah juga merujuk kepada pemahaman, penghayatan dalam kehidupan seseorang selepas mengucapkan syahadah.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

a. Objektif Kajian

- i) Mengetahui tahap penguasaan awal peserta kajian berkaitan kalimah syahadah.
- ii) Meningkatkan tahap penguasaan peserta kajian berkaitan kalimah syahadah “Muhammad Rasulullah” melalui penerapan kaedah dinamik syahadah.

b. Persoalan Kajian

- i) Sejauh mana tahap pencapaian murid berkaitan praktikal kalimah syahadah?
- ii) Adakah kaedah pengajaran berasaskan gerak-geri melalui penerapan “Dinamik Syahadah” membantu murid mengingat syahadah dengan mudah?

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Semasa sesi pembelajaran, para pengkaji dapat mengenal pasti tahap pencapaian peserta kajian dan membuat pemerhatian terhadap cabaran kepada peserta kajian untuk menyebut kalimah tersebut dengan lancar. Oleh itu, para pengkaji memperkenalkan kaedah pengajaran ‘Dinamik Syahadah’ kepada peserta kajian. Teknik pengajaran ‘Dinamik Syahadah’ merupakan salah satu cabang daripada kaedah fonik dan digabungkan dengan kaedah kinestetik. Sebahagian kaedah fonik yang diaplikasikan adalah dengan memecahkan perkataan kepada suku kata yang lebih kecil. Hal ini bertujuan untuk memudahkan kanak-kanak menyebut kalimah dengan baik serta digandingkan dengan kaedah kinestetik yang memerlukan peserta kajian menyebut suku kata tersebut dengan membuat gerak-geri tangan. Berikut merupakan gambar cara pengajaran menggunakan teknik Dinamik Syahadah.



Rajah 2

Gambar rajah berikut merupakan demonstrasi pengajaran kalimah syahadah “Muhammad Rasulullah” menggunakan teknik Dinamik Syahadah. Peserta kajian menyebut suku kata kalimah syahadah disertai dengan gaya pergerakan tangan. Dinamik Syahadah

merupakan salah satu daripada cabang teknik pengajaran yang melibatkan deria iaitu VAKT (visual, auditori, kinestetik, dan taktil) kerana tiga deria digunakan dalam pengajaran ini iaitu penglihatan, pendengaran dan pergerakan. Buktinya, peserta kajian melihat demonstrasi yang dilaksanakan beserta pengkaji mengaitkan bunyi setiap suku kata itu dengan alam realiti dan persekitaran mereka contohnya bunyi “Mu” dikaitkan dengan bunyi lembu dan “ Ha” dikaitkan dengan bunyi apabila lega minum air setelah kehausan dan “Mm” dikaitkan dengan bunyi apabila menikmati makanan yang sedap. Seterusnya, peserta kajian menggunakan deria pendengaran untuk mengenalpasti pasti suku kata yang disebut dengan jelas untuk membentuk perkataan “Muhammad Rasulullah” serta diiringi dengan pergerakan tangan yang dilakukan bagi setiap bunyi suku kata. Menurut Atirah Rohadi dan Aliza Alias (2021), strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang melibatkan deria (VAKT) mampu meningkatkan tahap pencapaian dan perkembangan murid. Setelah itu, para pengkaji menjalankan kajian pemerhatian dan temu bual terhadap teknik pengajaran yang dilaksanakan.

DAPATAN KAJIAN

a) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian menggunakan borang pemerhatian untuk mendapatkan maklumat mengenai cabaran dan faktor kesukaran pelajar tidak dapat menguasai kalimah syahadah sebelum teknik Dinamik Syahadah digunakan:

Jadual 1: Analisis peningkatan tahap penguasaan

Peserta Kajian	Boleh menyebut	Tidak boleh menyebut
PK 1	/	
PK 2	/	
PK 3	/	
PK 4	/	
PK 5	/	
PK 6	/	
PK 7	/	
PK 8	/	
PK 9	/	
PK 10	/	

Jadual di atas menunjukkan hasil dapatan pemerhatian yang telah dilakukan. Merujuk kepada jadual tersebut, kebanyakan peserta kajian dapat menyebut kalimah syahadah dengan baik setelah kaedah 'Dinamik Syahadah' diterapkan dalam pengajaran. Kemudian, kaedah ini dilakukan berulang kali sehinggalah peserta kajian dapat menguasai kalimah syahadah dengan baik.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati pelbagai pendekatan perlulah diambil dan bimbingan yang baik perlu diberikan kerana pencapaian bagi seseorang adalah tidak sama. Aspek kolaboratif bersama ahli kumpulan sangat penting untuk menyelesaikan masalah dan memperbaiki kekurangan sepanjang kajian dijalankan. Hal ini dapat menambah kredibiliti dan kompetensi seorang guru bagi menghadapi segala cabaran dalam pengajaran. Melalui dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa teknik pembelajaran 'Dinamik Syahadah' dapat meningkatkan tahap perkembangan murid melalui deria yang digunakan dengan pengaplikasian VAKT. Teknik ini dapat menambat hati murid kerana melibatkan pergerakan yang menarik dan menghilangkan rasa mengantuk serta kebosanan. Bagi memantapkan lagi mutu teknik pengajaran, pengkaji mencadangkan agar teknik 'Dinamik Syahadah' dimodifikasikan dengan lagu agar lebih berkesan. Sebagai contoh, teknik 'Dinamik Syahadah' yang menggunakan lagu bagi setiap suku kata yang diiringi gaya tangan lebih menyeronokkan dan menambah daya ingatan berdasarkan rentak muzik yang diajar. Di samping itu, kaedah pengajaran berasaskan muzik dapat memberi impak yang positif terhadap emosi kanak-kanak. (Mohammad Albaree et.al., 2019) Selain itu, pengkaji berpendapat teknik Dinamik Syahadah perlulah direalisasikan dalam bentuk pemanfaatan digital. Oleh itu, sekiranya teknik ini dapat dipatenkan dan dimuat naik dalam media sosial seperti youtube, tik tok dan sebagainya dapat

memberi manfaat dalam dunia pendidikan. Akhir sekali, pengkaji juga mencadangkan agar kajian yang seterusnya melakukan pembelajaran yang berunsurkan permainan yang meminta peserta kajian untuk sama-sama berkolaboratif dalam pembelajaran adalah satu teknik yang mantap dan efektif.

RUJUKAN

- Atirah Rohadi & Aliza Alias. (2021). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran VAKT melalui bahan bantu mengajar berwarna vs hitam dalam membaca dan mengingat ayat 1-3 surah al-Fatihah bagi murid autisme. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 104-114.
- Fadillah Ramadhani. (2022). Konsep syahadat dalam pandangan ajaran Islam dan Kristen. *Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman*, 1(3), 165-169.
- Muhammad Albaree Abdul, Hazhari Ismail, Iylia Mohamad & Zaharah Osman. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Pangulu Abdul Karim. (2017). Mema'nai syahadatain dan keutamaannya dalam kehidupan. *Jurnal Pendidikan Islam dan Teknologi Pendidikan*, VII(2), 112-125.
- Wiwi Dwi Daniyarti. (2022). Konsep syahadatain dan konsekuensinya dalam kehidupan. *Tamadun Journal of Islamic Studies*, 1(2), 200-211.
- Wong Shia Ho. (2019). Penggunaan "teknik jalinan cerita" untuk meningkatkan penguasaan dan ingatan pelajar terhadap kata majmuk bentuk mantap. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 106-120.